SULIT **1103/2**

Bahasa Melayu Kertas 2 2 ½ jam Sept. 2009

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN MELAKA)

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2009

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **empat** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan bagi* **Soalan 2** *(b),* **Soalan 2** *(c),* **Soalan 2** *(d) dan* **Soalan 4** *berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat sebelah

www.munsyibm.blogspot.com

Soalan 1 : Rumusan
[30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang ***tindakan menangani kenaikan harga barang*** *dan* ***kekangan yang dihadapi pengguna akibat kenaikan harga barang****. Panjangnya rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Setiap kali berlaku kenaikan harga barang, pelbagai alasan dikemukakan oleh para peniaga bagi mewajarkan kenaikan tersebut termasuk peningkatan kos pengangkutan. Walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi amaran keras supaya peniaga tidak menaikkan harga barangan, tetapi perkara tersebut tetap berlaku. Mahu tidak mahu, penggunalah yang terpaksa memikul segala beban kenaikan ini. Oleh itu, kerajaan mestilah ada mekanisme bagi membendung kenaikan harga barangan, di samping pengguna sendiri perlu *menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli* mereka untuk menangani permasalahan ini.

Pihak kerajaan sentiasa cakna terhadap kebajikan dan masalah yang dihadapi oleh para pengguna. Sehubungan dengan itu, KPDNHEP akan melaksanakan Program Pengguna Bijak (PPB) di 191 kawasan Parlimen seluruh negara. Penubuhan PPB sebagai menyahut desakan orang ramai yang gelisah terhadap kenaikan harga barang keperluan yang melampau di pasaran. Gesaan mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi supaya para pengguna mengawal dan mengubah tabiat berbelanja. Berbelanja berdasarkan keperluan, bukan mengikut perasaan. Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal pula menyatakan bahawa langkah memboikot peniaga yang menaikkan harga barang boleh dilakukan jika tindakan itu dapat memaksa golongan tersebut menurunkan harga barangan. Mereka boleh bertindak dalam kumpulan yang besar untuk mempengaruhi pasaran selain mendisiplinkan peniaga. Pengguna juga boleh melakukan pemantauan sendiri harga barangan dan digalakkan memilih premis yang menjual dengan harga berpatutan.

Sebenarnya harga barang di pasaran bukan hanya ditentukan oleh peniaga semata-mata. Banyak faktor lain yang mendorong penentuan harga sesuatu barangan, termasuk permintaan yang tinggi, bekalan berkurangan, dan persaingan antara peniaga. Memang kebanyakan pengguna sedar mereka mempunyai hak, dan kuasa sebagai pengguna, serta mampu menunjukkan kuasa jika mereka mahu. Kini, sudah sampai masanya pengguna lebih serius mengamalkan perbelanjaan berhemah. Dengan berbuat demikian, mereka dapat menghadapi cabaran dan masalah kewangan dengan lebih baik. Pengguna juga perlu mendisiplinkan diri dengan pengurusan kewangan yang bijak. Sehubungan dengan itu, pengguna perlu mendapatkan maklumat dan membuat perbandingan dari segi kualiti sebelum membuat penentuan untuk membeli barangan. Sikap peniaga yang tidak beretika perlu diberi pengajaran. Peniaga yang berkeras tidak mahu menurunkan harga barangan keperluan pengguna dianggap sebagai menyusahkan rakyat.

Secara tuntas, peniaga dan pengguna saling memerlukan. Masing-masing ada hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Namun, tekanan kenaikan barang secara berterusan yang dihadapi kini sememangnya sesuatu yang memeritkan terutamanya para pengguna di negara kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *"*Strategi mewujudkan celik pengguna*",*
oleh Hj. Samat Buang, *Fokus SPM*, Mac 2007)

Soalan 2: Pemahaman

[35 *markah*]

Soalan 2 (*a*) **– Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *menggunakan kebijaksanaan dan kuasa beli*.

[2 *markah*]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca yang menentukan harga sesuatu barangan di pasaran.

Nyatakan punca-punca tersebut.

[3 *markah*]

(iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan dialami oleh para peniaga yang bersikap degil menaikkan harga barang?

[4 *markah*]

Soalan 2*(b)* - **Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

PERMAISURI : Adinda tak hendak rama-rama itu. Adinda mahu rama-rama yang kakanda sendiri tangkap, sebab kakanda lebih arif dalam hal ini.

BADUT (RAJA) : Jika begitu idaman adinda, menjelang subuh berangkatlah kakanda.

ROMBONGAN PERMAISURI :

Cantik tuanku berseri-seri
Bagai jelma si bidadari
Tak tertara seluruh negeri
Puji pula dagang dan santeri

Bila dengar suara bermadah
Lemak lunak begitu indah
Berhenti burung telinga ditadah
Teringat-ingat dendam tak sudah.

Bergerak balik ke tempat duduk masing-masing. Apabila Badut bercerita, pelakon-pelakon lain ad lib *itu ini. Komen. Menyoal.*

BADUT (RAJA) : Esoknya hamba pun masuk belukar keluar belukar, masuk hutan keluar hutan, masuk rimba keluar rimba. Luka di tangan, luka di kaki, luka di muka sebab mengejar seekor rama-rama yang kecil tetapi paling cantik sekali. Hamba tak pernah temui seekor yang sebegitu indah. Tiba-tiba hamba tergelincir, terus jatuh ke dalam sebuah telaga. Air di dalamnya sedang mendidih bergelegak. Ya Allah pedihnya bukan ke palang. Hilang malu, hamba menjerit-jerit. Tak tahu berapa lama hamba terapung di atas air yang sedang mendidih itu. Tiba-tiba rama-rama yang kecil tadi datang semula dan memerhati hamba yang berada di dalam keadaan yang sebegitu daif sekali. Rama-rama itu pun terbang berlegaran sambil mengipas-ngipas hamba dan air yang panas itu dengan sayapnya yang kecil dan sebegitu cantik sekali. Air yang panas tadi mulai beransur sejuk, semakin sejuk. Akhirnya, air itu sebegitu nyaman dan selesa sekali. Hamba terdengar azan waktu Subuh. Janganlah bunuh rama-rama.

(Dipetik daripada 'Jangan Bunuh Rama-rama' oleh Noordin Hassan dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan nasib yang menimpa Badut. [3 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan kepupusan spesies serangga di hutan. [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** nilai murni yang terdapat dalam petikan di atas dan **dua** nilai murni lain yang terdapat dalam keseluruhan drama. [3 *markah*]

Soalan 2(c) **– Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah sudah budak itu masuk, maka titah raja, "Hai kanak-kanak, hendak dijualkan burungmu itu? Berapa harganya?"

Maka sembah budak itu, "Empat ribu dinar, tuanku."

Maka titah raja seraya tersenyum, "Berapakah engkau katakan yang tiada layak? Bukan harganya demikian itu, *unggas yang sekepal* ini."

Setelah didengar oleh bayan titah raja itu, maka sahutnya, "Hai, raja besar yang berakal, sempurna bicaranya, duli yang maha mulia, belilah juga patik ini, supaya penyakit duli syah alam ini patik ubati! Insya-Allah Taala nescaya hilanglah penyakit tuanku itu."

Setelah didengar oleh raja demikian itu, maka dibelilah oleh raja dengan harga empat ribu dinar. Setelah sudah, maka penyakit sopak raja itu pun diubati oleh bayan itu. Maka penyakit itu pun sembuhlah dengan kurnia Allah Subhanahuwataala, pulanglah seperti dahulu kala dengan sempurnanya. Maka raja pun terlalu amat sukacita melihat penyakitnya sembuh itu.

Hatta, beberapa lamanya maka bayan itu pun berdatang sembah, "Ya tuanku, jikalau ada ampun kurnia duli syah alam akan patik, mohonlah dilepaskan patik, kerana patik hendak melihat anak bini patik, kerana lamanya sudah bercerai."

(Dipetik daripada 'Cerita Bayan Tiada Menurut Kata Ibu Bapanya' dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Berikan maksud rangkai kata *unggas yang sekepal*.

[2 *markah*]

(ii) Apakah perkara-perkara yang berlaku selepas raja membeli bayan tersebut?

[3 *markah*]

(iii) Jika anda raja, sanggupkah anda membebaskan bayan tersebut ?

[3 *markah*]

Soalan 2(d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN – JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
Jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

Zam Ismail
Antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Gambarkan sikap pemandu ketika berada di jalan raya seperti yang terdapat dalam rangkap kedua sajak di atas?

[3 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, selain sikap pengguna apakah punca-punca kesesakan jalan raya?

[3 *markah*]

(iii) Berikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[3 *markah*]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 *markah*]

Jawab **semua** *soalan*

(a) *Tulis* ***satu*** *ayat bagi tiap-tiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) sama rata - menyamaratakan

(ii) salah guna - menyalahgunakan

(iii) putar belit - memutarbelitkan

[6 *markah*]

(b) *Tulis perbualan di bawah ini dalam bentuk cakap pindah. Anda dikehendaki mengekalkan susunan isi dalam petikan perbualan ini.*

Zakuan : Kes penyalahgunaan dadah di negara ini masih tak berkurangan.
Fuad : Saya setuju. Kebanyakan remaja yang terjebak masih dalam usia yang muda.
Jannah : Pelik ya! Mengapa remaja kita terlibat dengan penyalahgunaan dadah?
Fuad : Mungkin disebabkan kempen 'Tak Nak Merokok' yang dilancarkan kurang berkesan.
Zakuan : Saya cadangkan lebih banyak badan bukan kerajaan seperti Pengasih diwujudkan untuk memulihkan mereka yang terlibat.
Fuad : Yang penting kesedaran ibu bapa perlu ditingkatkan.

[6 *markah*]

(c) *Dalam petikan di bawah terdapat* **tiga kesalahan ejaan** *dan* **tiga kesalahan penggunaan imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Keupayaan untuk membina negara bangsa amat bergantung pada sejauhmana nilai-nilai toleransi, sikap hormat-menghormati, serta patriotisma dapat dipupuk dan dikongsi oleh setiap lapisan rakyat tanpa perkiraan kaum dan agama. Oleh itu, dalam usaha kita untuk membina sebuah negara bangsa yang satu padu, di bahu para guru lah terletaknya satu amanah besar untuk semai nilai-nilai tersebut.

[6 *markah*]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan tatabahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Pencuri yang ditawan oleh pihak berkuasa akan dimasukkan di dalam lokap balai polis sebelum diambil tindakan selanjutnya.

(ii) Perkara itu akan diteliti dari masa ke semasa supaya pembangunan yang dibuat akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

(iii) Percakaran antara tentera Israel dengan rakyat Palestine telah mengorbankan banyak nyawa.

[6 *markah*]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian senaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai untuk diisikan pada tempat kosong.*

Syaima terkenang akan kehidupan keluarganya pada masa lalu. Hidup mereka amat susah dan miskin ibarat _____(i)_____. Ayahnya bekerja mengambil upah memetik buah kelapa untuk menyekolahkan anak-anaknya. Ibunya sering menasihati mereka supaya belajar bersungguh-sungguh untuk menjamin masa depan kerana _____(ii)_____. Kini, walaupun Syaima sudah berjaya, beliau sentiasa menghargai pengorbanan kedua-dua ibu bapanya kerana _____(iii)_____ .

[6 *markah*]

Soalan 4 : Novel

[*15 markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

(i) Terminal Tiga karya Othman Puteh

(ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof

(iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said

(iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari

(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain

(vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah

(vii) Julia karya Abu Hassan Morad

(viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

(a) Pengarang sering mengemukakan pelbagai peristiwa yang menimbulkan tanda tanya kepada pembaca dalam novel mereka.
Huraikan **dua** peristiwa yang menimbulkan tanda tanya dalam satu novel yang telah anda pelajari.

Mengapakah anda berpendapat demikian?

[7 *markah*]

(b) Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, bandingkan **satu** cabaran yang dihadapi oleh mana-mana **satu** watak sampingan yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT